

KUALA LUMPUR, 11 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN KEPADA ANGGOTA UMNO YANG HENDAK MENERIMA PENCALONAN JAWATAN NAIB PRESIDEN PARTI SUPAYA MENILAI REKOD KERJA MEREKA DALAM PARTI DAN KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, SEMUA ANGGOTA UMNO BERHAK UNTUK BERTANDING JAWATAN NAIB PRESIDEN PARTI, TETAPI MEREKA TERLEBIH DAHULU HARUS MENILAI REKOD MEREKA SEBAGAI ANGGOTA PARTI DAN ANGGOTA KERAJAAN SEBELUM MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK BERTANDING.

+BERAPA BANYAK YANG HENDAK BERTANDING (JAWATAN) NAIB PRESIDEN, ITU IALAH HAK MASING-MASING,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELANCARKAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN DI STADIUM BOLA SEPAK, BANDAR TUN RAZAK DI SINI.

SEBELUM ITU, BELIAU TELAH MENYAMPAIKAN LIMA ANUGERAH KELUARGA KEBANGSAAN 1990, MERAIKAN ENAM PASANGAN PENGANTIN BARU DAN ENAM PASANGAN VETERAN DIIKUTI DENGAN LAWATAN KE PERKAMPUNGAN KELUARGA, DI STADIUM ITU SERTA MELAWAT KE GERAI-GERAI PAMERAN DI SITU.

DATUK SER DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, BELIAU KHUATIR ADANYA KEMPEN YANG TIDAK SIHAT SEPERTI MENGADAKAN MAJLIS MAKAN DENGAN MENJEMPUT ORANG (ANGGOTA PARTI) DARI NEGERI LAIN. -- LAGI

1557MST 11 11 90

D459

R B463 AAB
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

+KADANG-KADANG SECARA LANGSUNG KITA DENGAR ORANG BUAT FITNAH DAN INI MUNGKIN BOLEH MEMECAH-BELAHKAN PARTI,+ KATANYA.

+KITA TELAH LIHAT PADA TAHUN 1987 DI WAKTU MANA SATU PIHAK ITU MENGGUNAKAN WANG, MENGGUNAKAN TEKANAN, MENGAWAL PENGUNDI SEHINGGA TIDAK BOLEH MENGUNDI. INI SEMUA TIDAK BAIK UNTUK PARTI,+ KATANYA.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU MEMINTA MEREKA (ANGGOTA) YANG INGIN BERTANDING SUPAYA TIDAK MENGADAKAN MAJLIS JAMUAN YANG BERTUJUAN UNTUK BERKEMPEN, SEBALIKNYA MENILAI REKOD PERKHIDMATAN MEREKA.

BELIAU JUGA MELARANG CALON-CALON BERKENAAN DARIPADA MENGGUNAKAN PARA PEGAWAI KERAJAAN ATAU ALAT-ALAT KERAJAAN UNTUK BERKEMPEN BAGI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

SAMBIL BERKATA BAHAWA BELIAU TELAH NAMPAK UNSUR-UNSUR KE ARAH ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI AMARAN AKAN MENDEDAHKAN ORANG BERKENAAN +KALAU SAYA MENDAPATI MEREKA BERBUAT DEMIKIAN+, -- LAGI

1601MST 11 11 90

D461

R B464 AAB
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

SELAIN DARIPADA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MELARANG CALON-CALON YANG AKAN BERTANDING PADA PEMILIHAN PARTI AKHIR BULAN INI SUPAYA TIDAK MENGAMALKAN +KLIK+ DALAM PARTI.

MENURUT PERDANA MENTERI, BELIAU ADA MENDENGAR CERITA-CERITA (MENGENAI SESUATU PIHAK UNTUK MENGADAKAN PAKATAN), DAN MEMINTA SEMUA ANGGOTA UMNO SUPAYA TIDAK MENYOKONG KEGIATAN YANG TIDAK SIHAT SEPERTI +BERPASANGAN+ ATAU MEMPUNYAI +RUNNING MATE+.

KATANYA, BELIAU TIDAK MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN MELAINKAN ADA ANGGOTA PARTI YANG MELANGGAR PERATURAN.

SELAIN DARIPADA ITU, BELIAU HANYA BOLEH MEMBERI NASIHAT SECARA UMUM TANPA MENUNJUK KEPADA SESIAPA, TENTANG BETAPA PENTINGNYA ANGGOT-ANGGOTA UMNO TIDAK MENYOKONG CALON YANG MENGAMALKAN CARA YANG TIDAK SIHAT.

INI IALAH KERANA, KATANYA JIKA MEREKA YANG MENGGUNAKAN CARA TIDAK SIHAT MENANG, MEREKA AKAN MENGGUNAKAN CARA-CARA YANG TIDAK SIHAT DI DALAM PARTI SEPERTI YANG BERLAKU PADA TAHUN 1987, SEHINGGA SANGGUP +MEMBUNUH+ PARTI.

MENGENAI DUA JAWATAN TIMBALAN MENTERI YANG BELUM DIISI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU SEDANG Mencari penyelesaian BERHUBUNG PERKARA ITU.